

## Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

**From:** Unit Komunikasi Korporat  
**Sent:** Sunday, October 28, 2018 10:23 AM  
**To:** UUM - All Staff; UUM - All Students  
**Subject:** Dua Pensyarah UUM Cemerlang Di Malaysia's Research Star Award 2018



**Unit Komunikasi Korporat**  
CORPORATE COMMUNICATION UNIT  
**Universiti Utara Malaysia**

28 OKTOBER 2018 / 19 SAFAR 1440H  
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"  
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee

Gambar oleh: Prof. Ts. Dr. Norazah Mohd Suki dan Dr Mohammad Azam Hussain

### DUA PENSYARAH UUM CEMERLANG DI MALAYSIA'S RESEARCH STAR AWARD 2018



**UUM ONLINE:** Sepang - Dua pensyarah Universiti Utara Malaysia (UUM) mempamerkan kecemerlangan apabila menerima anugerah pada Malaysia's Research Star Award (MRSA) dan Pengiktirafan Jurnal CREAM 2018 di Sama-Sama Hotel, baru-baru ini.

Dua pensyarah berkenaan, Prof. Ts. Dr. Norazah Mohd Suki, Profesor di Othman Yeop Abdullah Graduate School of Business (OYAGSB) dan Dr Mohammad Azam Hussain, Ketua Jabatan Pusat Pengajian Undang-undang, masing-masing menerima Anugerah Prominent Topics in Research dan Anugerah High Impact Paper – Social Sciences.

Prof. Ts. Dr Norazah berkata, anugerah itu adalah sebagai satu pengiktirafan terhadap prestasi dan sumbangan beliau dalam bidang penyelidikan berkaitan Tingkah laku, Kitar Semula dan Pembelian Hijau.

Menurutnya, anugerah tersebut adalah penilaian kepada hasil penyelidikan yang signifikan dan signifikan di peringkat antarabangsa. Antara topik penyelidikannya termasuk '*Consumer Environmental Concern and Green Product Purchase in Malaysia: Structural Effects of Consumption Values*' yang diterbitkan dalam Journal of Cleaner Production (Impact Factor = 5.651) dan juga menerusi topik penyelidikan seperti '*Modeling the Determinants of Consumers' Attitudes toward Online Group Buying: Do Risks and Trusts Matters?*' yang diterbitkan dalam Journal of Retailing and Consumer Services (Impact Factor = 2.919).

Prof. Ts. Dr. Norazah telah menerbitkan lebih daripada 300 kertas kerja dalam jurnal yang dirujuk, bab di dalam buku, buku dan kertas persidangan yang memperincikan aktiviti penyelidikan, di samping menyelaraskan dan mengambil bahagian dalam beberapa projek penyelidikan.

Beliau juga merupakan editor buku yang diindeks SCOPUS, selain mencatatkan SCOPUS h-index sebanyak 16.

Sementara itu, Dr Mohammad Azam berkata, pencapaian itu adalah satu pengiktirafan kepadanya yang banyak menjalankan aktiviti penyelidikan dan penerbitan dalam bidang undang-undang Islam amnya dan undang-undang perbankan khususnya.

"Penerbitan yang dihasilkan ini bukan sekadar di peringkat kebangsaan, malah turut diterbitkan di peringkat antarabangsa terutamanya jurnal-jurnal berindeks.

"Dengan pengiktirafan diterima ini, saya berharap dapat menghasilkan lebih banyak penyelidikan berimpak tinggi dan diterbitkan dalam jurnal berindeks itu," katanya yang telah membuat penerbitan melebihi 70 penerbitan dalam bentuk artikel jurnal, prosiding, buku dan bab di dalam buku.

Anugerah MRSA ini adalah sebagai pengiktirafan dan penghargaan kepada penyelidik tempatan hasil kejayaan penghasilan penyelidikan dan penulisan ilmiah berkualiti yang berjaya diterbitkan serta diindeks ke dalam pangkalan data antarabangsa terkemuka.

MRSA merupakan pengiktirafan oleh dua agensi pengindeksan berprestij iaitu Clarivate Analytics and Elsevier yang melibatkan sembilan (9) kategori iaitu Frontier Researcher, Hot Review Paper, Top Peer Reviewer, Research and Innovation Excellence, Highly Cited Researcher 2017, International Research Collaboration dan Young Researcher, selain Prominent Topics in Research dan High Impact Paper.

Anugerah tersebut telah disampaikan Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Malaysia, Dato' Mohd Ghazali Abas yang mewakili Menteri Pendidikan Malaysia.

**DARIPADA:**  
**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT**  
**UNIVERSITI UTARA MALAYSIA**  
☎ 04-928 3048/3049/3052/3061  
☎ 04-928 3053  
✉ ukkuum@uum.edu.my  
f Universiti Utara Malaysia (Official FB)



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.